Nur Dini bt Md Noh lwn Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — GUAMAN SIVIL NO 22–68 TAHUN 2011
ZAKIAH KASSIM PK
15 NOVEMBER 2013

Undang-Undang Buruh — Pekerjaan — Pemecatan — Pengesahan perkhidmatan dengan tempoh percubaan, kelulusan kursus induksi dan perakuan majikan sebagai pra-syarat — Sama ada pihak yang menuntut memenuhi pra-syarat yang ditetapkan — Lanjutan tempoh percubaan — Penamatan perkhidmatan tanpa pemberitahuan sebab dan alasan — Tuntutan bagi pengisytiharan bahawa penamatan perkhidmatan salah dan tidak sah — Sama ada ketua jabatan perlu memberi perakuan untuk tujuan pengesahan jawatan — Sama ada alasan mengapa jawatan tidak disahkan perlu diberikan oleh ketua jabatan — Sama ada pihak yang menuntut wajar ditamatkan perkhidmatan akibat gagal mendapat perakuan ketua jabatan

Plaintif memegang jawatan tetap sebagai juruaudit gred W41 berkuat kuasa mulai 16 November 2006 dan telah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama satu hingga tiga tahun dan sekiranya lulus kursus induksi, perkhidmatannya akan disahkan dengan perakuan ketua jabatannya. Pada tahun 2007 dan 2008, plaintif lulus kedua-dua kursus induksi dan peperiksaan perkhidmatan awam. Plaintif telah mendapat arahan pertukaran daripada defendan berkuat kuasa mulai 20 Julai 2008 dan oleh kerana tidak mendapat perakuan ketua jabatan untuk disahkan jawatannya, tempoh percubaannya dilanjutkan lagi mulai 2009 hingga 2010. Sekali lagi, perkhidmatan plaintif sebagai juruaudit gred W41 ditangguhkan atas alasan tidak mendapat sokongan ketua jabatannya. Defendan kemudiannya mengarahkan plaintif bertugas semula dan surat penangguhan perkhidmatannya dibatalkan. Selepas beberapa surat-menyurat antara peguam plaintif dan defendan, meminta penjelasan mengenai kegagalan plaintif disahkan dalam jawatan, plaintif telah ditamatkan perkhidmatan atas alasan gagal mendapat perakuan. Plaintif diminta memberikan alasan mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan dan kemudiannya melanjutkan tempoh percubaan selama enam bulan dengan berdenda. Defendan memaklumkan kepada plaintif agar meneruskan perkhidmatan sehingga lembaga pengarah defendan memutuskan status perkhidmatan plaintif. Namun begitu, plaintif menerima surat penamatan setelah lima tahun berkhidmat. Dalam tuntutan ini, plaintif menuntut, antara lain, bagi suatu pengisytiharan bahawa penamatan perkhidmatannya adalah salah dan tidak sah; suatu pengiktirafan jawatan tetap sebagai juruaudit gred W41 berkuat kuasa ke belakang iaitu pada tarikh

9 September 2008; dan ganti rugi am dan teladan. Isu-isu yang timbul untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada ketua jabatan perlu memberi perakuan untuk tujuan pengesahan dalam jawatan; sama ada ketua jabatan perlu menyatakan alasan kepada plaintif mengapa jawatannya tidak disahkan; dan sama ada defendan berhak memberhentikan khidmat plaintif akibat gagal mendapat perakuan ketua jabatan.

Diputuskan, membenarkan tuntutan dengan kos sebanyak RM8,000:

(1) Tindakan defendan tidak memaklumkan plaintif tentang kenapa dia tidak mendapat perakuan oleh defendan yang membawa kepada pemecatannya adalah suatu tindakan yang tidak wajar kerana plaintif tidak berpeluang untuk memperbaiki dirinya terutamanya ulasan-ulasan untuk meningkatkan prestasi kerjanya seperti yang diharapkan. Sekiranya defendan memaklumkan teguran tersebut, plaintif akan memperbaiki kelemahan dirinya untuk mendapatkan pengesahan daripada ketua jabatannya. Tindakan defendan membuat teguran semasa perhimpunan secara umum adalah tidak mencukupi dan tidak wajar dan tidak adil kerana tidak menurut peruntukan undang-undang yang diperuntukkan dan tindakan itu bertentangan dengan hak plaintif yang dilindungi di bawah perkara 5 Perlembagaan Persekutuan (lihat perenggan 44–45).

(2) Tindakan defendan yang melanjutkan tempoh percubaan plaintif sebanyak dua kali dan pada masa yang sama tidak berpuas hati dengan prestasi plaintif adalah dua tindakan yang bercanggah antara satu sama lain kerana untuk melanjutkan tempoh percubaan, defendan hanya boleh berbuat demikian jika defendan mempercayai bahawa plaintif berupaya mematuhi syarat-syarat bagi pengesahan semasa tempoh pelanjutan tempoh yang dipohon (lihat perenggan 53).

(3) Tindakan defendan memberi surat penamatan kepada plaintif adalah salah kerana isu tersebut masih belum diputuskan oleh mahkamah. Tindakan defendan mengeluarkan surat penangguhan perkhidmatan plaintif dan selepas itu membatalkannya adalah tidak beretika dan tidak betul (lihat perenggan 56).

[Bahasa Malaysia summary

The plaintiff held the permanent position of a grade W41 auditor effective from 16 November 2006 and was required to undergo a probationary period of one to three years and if she passed the induction course, her service would be confirmed with the acknowledgement of the head of department. The plaintiff had received a transfer order from the defendant effective from 20 July 2008 and since she had not received an acknowledgement from the head of department to confirm her position, the probationary period was further extended from 2009 until 2010. Again, the plaintiff's service as a grade W41

auditor was deferred on the ground that she was not backed by her head of department. The defendant then ordered the plaintiff to resume her duty and the letter deferring her service was cancelled. After a few correspondences between the plaintiff's solicitor and the defendant, seeking an explanation on the failure to confirm the plaintiff's position, the plaintiff's service was terminated on the ground of failure to obtain an acknowledgement. The plaintiff was asked to come up with a reason on why her service should not be terminated and subsequently her probationary period was extended for six months with a fine. The defendant then informed the plaintiff to continue her service until the defendant's board of directors decide on the status of her service. However, the plaintiff received a dismissal letter after five years of service. In the present claim, the plaintiff claimed, inter alia, for a declaration that the termination of her service was wrongful and void; an acknowledgement of her permanent position as a grade W41 auditor effective retrospectively which was on the date of 9 September 2008; and general and exemplary damages. The issues that arose for the determination of the court was whether the head of department was required to give an acknowledgement for the purpose of confirming the position; whether the head of department had to give a reason to the plaintiff as to why her position should not confirmed; and whether the defendant had the right to terminate the plaintiff's service due to her failure to get an acknowledgement from the head of department.

Held, allowing the claim with costs of RM8,000:

(1) The defendant's act of not informing the plaintiff as to why she did not get an acknowledgement from the defendant which led to her dismissal was an inexpedient act as the plaintiff did not get a chance to improve herself especially since the remarks were for her to enhance her performance as expected of her. Had the defendant informed her of the reprimand, the plaintiff would improve her shortcomings to obtain a confirmation from the head of department. The defendant's act of reproving in a general assembly was insufficient, improper and unfair as it was not in accordance with the provisions provided for and the act was in breach of the plaintiff's right which was protected under art 5 of the Federal Constitution (see paras 44–45).

(2) The defendant's act of extending the plaintiff's probationary period for two times yet at the same time dissatisfied with the plaintiff's performance were two different acts which contradicted one another as to extend the probationary period, the defendant could have only done so if the defendant believed that the plaintiff was capable of complying the terms for confirmation during the period of extended period applied for (see para 53).

(3) The defendant's act of handing the dismissal letter to the plaintiff was

wrongful as the issue had not been decided by the court. The defendant's act in issuing the letter deferring the plaintiff's service and then cancelling it, was unethical and improper (see para 56).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pemecatan, lihat 8(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perengan 1078–1149.

Kes-kes yang dirujuk

Govindasamy s/o Muthulingam v Ooi Kee Chye & Anor [2012] 7 MLJ 254; [2012] 1 CLJ 875, MT (dirujuk)

Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and another appeal [1996] 1 MLJ 481; [1997] 1 CLJ 665, MR (diikut)

Tan Leng Choo v Gwee Elsie Nee Tan Ah Moy [2008] 1 LNS 568, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000
Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 ss 3, 15
Akta Tafsiran 1948 dan 1967
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 Aturan 18 Kaedah 12(1A)
Perlembagaan Persekutuan perkara 5
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 peraturan 28, 47, 47(1), 50

Aswandi Mohamed Hashim (Aswandi Hashim & Company) bagi pihak plaintif.
Arham Rahimy Hairi (Azim, Tunku Farik & Wong) bagi pihak defendan.

Zakiah Kassim PK:

PENDAHULUAN

[1] Plaintif, Nur Dini bt Mohd Md Noh seorang juruaudit gred W41, mengambil tindakan ke atas defendan untuk mendapatkan suatu pengisytiharan bahawa defendan, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ('KEDA') telah menamatkan perkhidmatannya secara tidak sah.

[2] Atas tindakan defendan menamatkan perkhidmatannya itu, plaintif juga menuntut ganti rugi am dan teladan sebanyak RM200,000 kerana tindakan defendan telah menyebabkan reputasi, kedudukan dan kredibiliti plaintif sebagai seorang pegawai kumpulan pengurusan dan professional telah terjejas.

Selain itu plaintif juga menuntut supaya:

(a) Beliau diiktiraf sebagai juruaudit gred W41 berkuat kuasa ke belakang bermula daripada 9 September 2008;

(b) Sehubungan itu plaintif memohon supaya arahan bertulis ketua jabatan berkaitan dengan pergerakan gaji tahunan yang disekat dibatalkan dan gajinya diselaraskan bermula daripada tahun yang mana terhentinya pergerakan sehingga ditamatkan perkhidmatan.

[3] Mahkamah telah membenarkan semua tuntutan plaintif dan perayu/defendan sekarang merayu terhadap keputusan tersebut.

LATAR BELAKANG

[4] Pada 9 Oktober 2006, plaintif Cik Nur Dini bt Mohd Noh telah dilantik memegang jawatan tetap sebagai juruaudit gred W41 ('eksh P2'). Dari segi perkhidmatan, jawatan plaintif diklasifikasi sebagai pengurusan professional tetap dan berpencen dan lantikan ini berkuat kuasa mulai 16 November 2006 dan menurut surat lantikan itu, eksh P2, plaintif dikehendaki;

(a) menjalani tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun dan dalam tempoh percubaan itu, plaintif dikehendaki menghadiri kursus induksi dengan jayanya dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan sebelum disahkan dalam perkhidmatan.

(b) Bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan setelah memenuhi syarat (a), plaintif dikehendaki mendapatkan perakuan ketua jabatannya.

[5] Dalam tempoh percubaan itu sekiranya plaintif gagal untuk disahkan, perkhidmatan plaintif boleh ditamatkan menurut peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

[6] Plaintif telah memenuhi syarat yang dikenakan oleh jabatan dengan menghadiri kursus induksi dengan jayanya pada April 2007 dan lulus peperiksaan perkhidmatan awam pada September 2008 yang ditetapkan oleh defendan.

[7] Pada 16 Julai 2008, plaintif mendapat arahan pertukaran daripada Unit Audit Dalam Kutipan Hasil berkuat kuasa mulai 20 Julai 2008. Oleh kerana plaintif tidak mendapat perakuan ketua jabatan untuk disahkan jawatan dalam tempoh yang ditetapkan maka tempoh percubaan dilanjutkan selama setahun lagi mulai 16 November 2009 hingga 15 November 2010. Plaintif dikenakan denda yang mana plaintif tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan.

[8] Defendan kemudiannya melalui surat bertarikh 10 November 2010

menangguhkan perkhidmatan plaintif sebagai juruaudit gred W41 mulai 16 November 2010 oleh kerana plaintif tidak mendapat sokongan ketua jabatan untuk disahkan dalam jawatan. A

[9] Pada 28 November 2010, defendan mengarahkan plaintif bertugas semula mulai tarikh yang sama (serta merta) dan surat penangguhan perkhidmatan pada 10 November 2012 dibatalkan. Tindakan defendan ini menunjukkan keadaan ketidaktentuan (*uncertainty*) pihak defendan dalam mengendalikan kes plaintif. B

[10] Peguam plaintif menghantar notis inkuiri kepada defendan pada 8 Disember 2010 meminta penjelasan mengenai kegagalan plaintif disahkan dalam jawatan. C

[11] Pada 26 Disember 2010, defendan memaklumkan bahawa plaintif tidak dapat disahkan dalam jawatannya kerana gagal mendapat perakuan dan sokongan ketua jabatan. Defendan kemudiannya mengeluarkan surat bertarikh 6 Januari 2011 yang mana plaintif diberi pelanjutan untuk tahun kedua mulai 3 Disember 2011 dengan berdenda. D

[12] Plaintif memfailkan writ terhadap defendan bertarikh 28 Februari 2011 dan menuntut pengiktirafan jawatan tetap juruaudit gred W41 berkuat kuasa ke belakang mulai 9 September 2008. E

[13] Dalam writ itu plaintif juga memohon supaya arahan bertulis daripada ketua jabatan berkaitan pergerakan gaji tahunan plaintif disekat dibatalkan. Plaintif selanjutnya memohon supaya ganti rugi diselaraskan mulai daripada tarikh ganti rugi diberhentikan, ganti rugi am dan ganti rugi teladan RM50,000. F

[14] Pada 19 Oktober 2011, plaintif telah menerima surat yang ditandatangan oleh Tuan Hj Ahmad Hilmi bin Hj Taib, Pengurus Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, SD1 ('eksh P14') memaklumkan bahawa jawatankuasa Perjawatan KEDA dalam Mesyuarat Bil 1 Tahun 2011 telah membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan plaintif kerana plaintif gagal mendapat perakuan daripada ketua jabatan untuk disahkan dalam perkhidmatan. Plaintif telah diberi tempoh 14 hari untuk menyatakan sebab mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan. plaintif telah menjawab surat di atas 24 Oktober 2011 dengan menyatakan sebab-sebab kenapa beliau tidak boleh ditamatkan perkhidmatan seperti di eksh P15. G H I

[15] Pada 18 Januari 2012, plaintif telah melanjutkan tempoh percubaan selama enam bulan mulai 3 Disember 2011 sehingga 2 Jun 2012 dengan berdenda (eksh P16).

Seterusnya pada 3 Jun 2012 defendan memberitahu plaintif supaya terus menjalankan tugasnya sehingga status perkhidmatannya diputuskan oleh lembaga pengarah defendan setelah tempoh perlanjutan tempoh percubaan dengan berdenda berakhir pada 2 Jun 2012. (Sila lihat eksh P16).

[16] Walau bagaimanapun, plaintif telah menerima surat penamatan daripada defendan bertarikh 10 Julai 2012 berkuat kuasa mulai 15 Julai 2012 atas alasan bahawa plaintif telah gagal disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak mendapat perakuan daripada ketua jabatan yang disyaratkan (eksh P20). Pada masa itu plaintif telah berkhidmat lebih daripada lima tahun. Perkhidmatan plaintif ditamatkan menurut peraturan 47(1) dan 50 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) Peraturan-Peraturan 2005 berkuat kuasa mulai 15 Julai 2012 dan plaintif dibayar sebulan gaji bersih sebagai ganti sebulan notis.

[17] Sebagai respon kepada tindakan defendan yang menamatkan perkhidmatannya, pada 12 Julai 2012, plaintif telah menulis surat kepada SD1 membantah tindakan defendan menamatkan perkhidmatannya di bawah peraturan 47(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 2005 kerana tuntutan plaintif ini belum dibicara di mahkamah ini. Dalam surat yang sama plaintif juga mendakwa bahawa tindakan defendan membayar satu bulan gaji telah melanggar Peraturan 50 Peraturan-peraturan Pegawai Awam 2005 kerana tempoh notis itu akan berakhir pada 9 Ogos 2012 (eksh P21).

[18] Plaintif kemudiannya telah meminda penyata tuntutan bagi mengambarkan keadaan sebenar tuntutannya selepas perkhidmatannya ditamatkan. Permohonan plaintif untuk meminda tuntutan itu dibenarkan oleh mahkamah pada 23 Oktober 2012.

[19] Plaintif sekarang membuat tuntutan yang berikut terhadap defendan:

(a) suatu pengisytiharan bahawa tindakan defendan menamatkan perkhidmatan plaintif sebagai juruaudit gred W41 adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang dengan alasan gagal mendapat sokongan ketua jabatan untuk disahkan di dalam jawatan;

(b) suatu pengiktirafan jawatan tetap sebagai juruaudit gred W41 diberikan oleh defendan berkuat kuasa ke belakang iaitu pada tarikh 9 September 2008;

(c) pembatalan arahan bertulis daripada ketua jabatan berkaitan pergerakan gaji tahunan plaintif yang disekat;

(d) pelarasan gaji plaintif bermula dari tahun di mana terhentinya pergerakan gaji plaintif sehingga ditamatkan perkhidmatan; dan

(e) ganti rugi am dan ganti rugi teladan berjumlah RM200,000 (Ringgit

Malaysia: dua ratus ribu sahaja) yang dialami oleh plaintif kesan daripada penamatan perkhidmatan yang diputuskan oleh defendan.

[20] Asas tuntutan plaintif terhadap defendan adalah perkhidmatannya tidak dapat disahkan dan akhirnya ditamatkan oleh defendan kerana tidak dapat pengesahan oleh ketua jabatan.

ULASAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[21] Bagi menentukan sama ada plaintif berhak terhadap tuntutannya, persoalan utama yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah sama ada tindakan defendan menamatkan perkhidmatan plaintif adalah sah di sisi undang-undang.

[22] Sebagai sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 (Akta 249), seksyen 15 Akta 249 memberi kuasa kepada defendan untuk melantik pegawainya dan kakitangannya sendiri termasuklah plaintif dalam kes di hadapan mahkamah pada hari ini. Justeru bagi urusan pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan pegawai dan kakitangan SD1 dan SD2 telah mengguna pakai Perintah-perintah Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 selepas ini dirujuk sebagai Peraturan-Peraturan Pegawai Awam.

[23] Selaras dengan itu, menurut s 47 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, Akta 388 defendan sebagai pihak berkuasa melantik mempunyai kuasa untuk menamatkan perkhidmatan plaintif itu.

Power to appoint includes power to remove

> Where a power to make an appointment is conferred by any written law, the appointing authority shall also have power (subject to any limitations or qualifications which affect the power of appointment) to remove, suspend, reappoint or re-instate any person appointed in the exercise of the power.

[24] Dalam keterangan plaintif dan defendan, kedua-dua pihak tidak menafikan bahawa plaintif telah menjalani kursus induksi dan perkhidmatan dalam tempoh yang ditentukan oleh defendan seawal April 2007 dan lulus peperiksaan perkhidmatan awam pada September 2008.

[25] Isu utama yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah dalam membuat keputusan untuk membenarkan tuntutan plaintif atau sebaliknya adalah sama ada tindakan defendan menamatkan perkhidmatan plaintif di

bawah peraturan 47 dan 50 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam adalah sah di sisi undang-undang setelah plaintif gagal mendapat perakuan ketua jabatan untuk disahkan dalam jawatan.

[26] Bagi menentukan isu di atas, isu-isu berikut perlu diberi pertimbangan oleh mahkamah;

(a) sama ada ketua jabatan perlu memberi perakuan untuk tujuan pengesahan dalam jawatan;

(b) sama ada ketua jabatan perlu menyatakan alasan atau sebab kepada plaintif kenapa beliau tidak beri perakuan untuk pengesahan semasa memperakukan pengesahan itu kepada pihak berkuasa melantik (lembaga);

(c) sama ada defendan berhak untuk memberhentikan perkhidmatan plaintif setelah plaintif gagal untuk mendapatkan perakuan ketua jabatan bagi tujuan pengesahan jawatan.

[27] Bagi isu pertama, adalah jelas sebagaimana tertera di eksh P2, perenggan 4(a) tertakluk kepada pengesahan dalam perkhidmatan setelah memenuhi syarat (a) serta diperakukan oleh ketua jabatan/perkhidmatan. Bagi tujuan itu, prestasi plaintif dinilai setiap tahun dan direkodkan dalam laporan nilaian prestasi oleh pegawai penilai pertama dan pegawai penilai kedua. Sila lihat eksh P17 yang mengandungi laporan prestasi bagi tahun 2007, 2008 dan 2009. Bagi tahun 2007 secara keseluruhannya plaintif didapati memerlukan masa untuk memahami fungsi KEDA serta lebih adil dalam melaksanakan tugasnya.

[28] Dalam tahun 2008, prestasi plaintif didapati kurang memuaskan. plaintif dikatakan tidak menepati bidang tugas dan kurang mematuhi disiplin.

[29] Bagi tahun 2009, prestasi plaintif ada peningkatan dan plaintif boleh melaksanakan tugasnya dengan memuaskan jika diberi peluang. Sebagai ketua jabatan, SD2, Dato' Hj Arpan bin Shari tidak dapat menyokong pengesahan plaintif ke jawatan juruaudit gred W41 kerana plaintif tidak dapat bekerja secara berkumpulan dan plaintif tidak mampu untuk menyumbang sesuatu untuk kemajuan KEDA. Secara khususnya dalam perakuan sokongan pengesahan dalam jawatan, eksh P18A, P18B, P18C dan P18D, SD2 secara terus terang menyatakan bahawa beliau tidak dapat menyokong plaintif untuk disahkan ke jawatan itu kerana plaintif semasa menjalankan tugasnya di bawah pengawasan SD2, telah gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai ketua audit dalam, dan beliau didapati kurang berbincang dan membuat laporan mengenai apa-apa tindakan yang beliau lakukan (eksh P18A).

[30] Dalam perakuan berikutnya bertarikh 26 Oktober 2009, plaintif dilaporkan tidak menjalankan tugasnya dengan jujur dan bertanggungjawab dan SD2 tidak berpuas hati dengan perkhidmatannya dan juga sifat peribadi, perangai dan kelakuannya. SD2 tidak berpuas hati dengan prestasi dan tingkah laku plaintif kerana laporan yang dikeluarkan dan dikemukakan oleh plaintif tidak terlebih dahulu dirujuk kepada ketua jabatan, tidak berdasarkan fakta yang lengkap dan teliti, telah menjejaskan imej dan keharmonian organisasi (eksh P18B).

[31] Begitulah seterusnya dalam perakuan sokongan bertarikh 17 Oktober 2010, SD2 mengatakan 'Saya masih belum berpuas hati dengan prestasi kerja beliau sebelum ini. Beliau perlu berusaha meningkatkan prestasi kerja beliau pada masa hadapan'.

[32] Dalam perakuan sokongan terakhir oleh SD2 yang dibuat pada 26 September 2011 sebelum plaintif dipecat pada 15 Julai 2012, SD2 masih tidak berpuas hati dengan prestasi plaintif kerana dalam pengamatan dan pengawasannya, plaintif masih tidak menunjukkan perubahan sikap dan peningkatan prestasi kerja.

[33] Walaupun SD2 memberi ulasan yang negatif terhadap prestasi plaintif, meneliti perakuan sokongan pengesahan dalam jawatan eksh P18A, P18B, P18C dan P18D, Penolong Pengurus PPSM (Perkhidmatan), Puan Afifah bt Omar mengesahkan bahawa plaintif telah menjalani dengan jayanya tempoh percubaan bermula daripada 16 November 2006 hingga 9 September 2008 (eksh P18A), plaintif telah lulus peperiksaan juruaudit dalam gred W41 bahagian 1 pada 9 September 2008, bahagian 02 pada 19 September 2007 dan Penilaian Prestasi Tahun 2006 (81.23), 2007 (78.50). Plaintif juga bebas daripada sebarang tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000. Puan Afifah juga memberi ulasan yang sama dalam eksh P18B, P18C dan P18D.

[34] Mengenai isu kedua dan ketiga, walaupun SD2 memberi komen/ulasan di atas dalam laporan prestasi plaintif dan alasan-alasan itulah yang menyebabkan plaintif tidak diperakukan untuk pengesahan jawatannya, SD2 mengaku bahawa beliau tidak pernah menyampaikan komen/ulasan itu kepada plaintif. SD1 juga tidak pernah memberitahu kepada plaintif walaupun selepas perkhidmatan plaintif di sambung buat kali pertama pada 16 November 2009 dan pada 6 Januari 2011 dengan berdenda.

[35] Mahkamah merasa amat pelik dengan jawapan SD1 bahawa beliau tidak memaklumkan plaintif sebab plaintif tidak mendapat sokongan dari ketua jabatannya dengan alasan; 'Saya sebagai Pengurus Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia di KEDA tidak bertanggungjawab untuk

menjelaskan atau menyatakan apa-apa sebab beliau tidak mendapat sokongan dari ketua jabatan termasuklah mengeluarkan laporan prestasi kumpulan pengurusan profesional Puan Nur Dini kepada beliau. Seterusnya, ia adalah tanggungjawab plaintif sendirilah yang mesti mendapatkan penjelasan secara khusus dari ketua jabatan untuk pengesahan jawatan tersebut.'

[36] Adalah jelas dan nyata dalam laporan penilaian prestasi (eksh P17) yang mengandungi penilaian prestasi bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 di ms pertama P17, peringatan seperti yang berikut:

> Pegawai Penilai (PP) iaitu Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) serta Pegawai Yang Dinilai (PYD) hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut sebelum dan semasa membuat penilaian:
>
> (a) PYD hendaklah melengkapkan maklumat di Bahagian I dalam Borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) seperti di Lampiran 'A' pada awal tahun;
>
> (b) PYD hendaklah melengkapkan Bahagian II manakala PP hendaklah melengkapkan Bahagian III hingga Bahagian IX pada akhir tahun penilaian;
>
> (c) PYD dan PP hendaklah merujuk Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (Tahun 2002) sekiranya memerlukan keterangan lanjut semasa mengisi Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan membuat penilaian;
>
> (d) PP hendaklah menggunakan Skala Penilaian Prestasi seperti di Lampiran 'B'; dan
>
> (e) PP hendaklah memaklumkan kepada PYD lanqkah-lanqkah meninqkatkan prestasi/ kemaiuan kerjaya vanq perlu dilakukan sebelum menandatanqani di ruanqan Bahagian VIII.

[37] Ingin ditegaskan di sini, bahawa peringatan yang dinyatakan di laporan penilaian prestasi ini mempunyai fungsinya tersendiri untuk PPP dan PPK bagi menjamin hak PYD supaya PYD dilindungi, dibela dan tidak dianiaya atau diperlakukan sewenangnya sebagaimana yang berlaku ke atas plaintif dalam kes di hadapan mahkamah. Apakah rasionalnya perkhidmatan plaintif disambung, ditangguh, dipanggil semula berkhidmat jika beliau tidak dimaklumkan apakah prestasi perkhidmatan dan kesilapannya yang perlu diperbaiki untuk membolehkan beliau diberi pengesahan.

[38] Mahkamah mendapati bahawa tindakan defendan tidak memaklumkan plaintif ulasan dalam eksh P17 dan cadangan SD2 tentang kenapa beliau tidak mendapat perakuan oleh defendan yang membawa kepada pemecatan adalah suatu tindakan yang tidak wajar kerana plaintif tidak berpeluang untuk memperbaiki dirinya terutamanya ulasan yang berkaitan

dengan ulasan di eksh P18B dan untuk meningkatkan prestasi kerjanya seperti yang diharapkan oleh SD1 dan SD2 sebagai ketua jabatannya. A

[39] Melihat kepada kronologi tindakan yang diambil oleh defendan terhadap plaintif, mahkamah mendapati bahawa ulasan SD2 ke atas plaintif di eksh P18B bahawa 'plaintif telah mengeluarkan laporan tanpa merujuk kepada ketua jabatan dan laporan itu tidak mengandungi fakta yang lengkap dan teliti dan tindakan itu telah menjejaskan imej dan keharmonian organisasi' adalah disebabkan oleh surat yang dihantar oleh plaintif kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 25 Oktober 2007 (ms 17 Ikatan C), selepas ini dirujuk sebagai surat tersebut. B C

[40] Dalam surat tersebut plaintif telah memohon pandangan Kementerian berkenaan mengenai pengauditan pengurusan dalam isu perjawatan — susulan arahan pertukaran/penempatan tempat bertugas yang dilampirkan sebagai Lampiran C. D

[41] Sebelum daripada surat tersebut dihantar kepada Kementerian berkenaan, plaintif telah menghantar memo bertarikh 22 Oktober 2007 kepada timbalan pengurus besar (pengurusan) yang mengandungi beberapa pertanyaan audit yang antara lain mengandungi persoalan kepada Kementerian di Lampiran C. E

[42] Meneliti jawapan plaintif di eksh P13, mahkamah mendapati bahawa apa yang dilakukan oleh plaintif adalah terkandung dalam skop tugasnya sebagai juruaudit dalam yang bertanggungjawab untuk membuat teguran terhadap perjalanan pentadbiran sesebuah organisasi. Mahkamah mendapati dalam memo berkenaan (P13) plaintif telah merujuk kepada minit mesyuarat, arahan pertukaran yang menjadi asas kepada tegurannya. Defendan sepatutnya mengambil tindakan selaras dengan teguran itu atau sekurang-kurangnya menilai teguran itu dan mengambil tindakan sewajarnya. F G

[43] Pada pandangan mahkamah ulasan SD2 ini sangat serius dan penting untuk menjaga martabat organisasi KEDA sebagai badan berkanun yang ditubuhkan melalui Akta yang dilulus oleh Parlimen. Oleh itu bagi memastikan plaintif tidak mengulangi perbuatan yang sama atau perlakuan yang sama dilakukan oleh pegawai defendan yang lain maka defendan hendaklah memberitahu plaintif secara spesifik. Ulasan SD2 bahawa plaintif tidak menjalankan tugasnya secara jujur juga patut dimaklumkan kepada plaintif secara peribadi supaya plaintif dapat memperbaiki dirinya. Tindakan defendan tidak memberitahu plaintif tentang teguran-teguran itu tidak memberi peluang kepada plaintif untuk meningkatkan prestasi kerjanya seperti yang diharapkan oleh defendan. H I

[44] Oleh kerana plaintif tidak dimaklumkan ulasan defendan yang tercatat dalam eksh P18B dan plaintif tidak berpeluang untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan prestasinya, maka pada tahun berikutnya SD2 masih lagi belum berpuas hati dengan prestasi plaintif dan dengan itu SD2 tidak boleh memperakukan pengesahan plaintif. Sebagai majikan kepada plaintif, SD2 mengakui bahawa beliau hanya memberi nasihat kepada pegawai bawahannya hanya semasa perhimpunan bulanan, mesyuarat pengurusan dan melalui Pegawai Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia dan tidak pernah memberi nasihat atau teguran secara terus kepada plaintif.

[45] Plaintif juga mengakui bahawa beliau tidak pernah dipanggil oleh majikannya untuk diberi teguran atau tunjuk ajar. Mahkamah yakin bahawa sekiranya defendan (SD1 dan SD2) memaklumkan teguran yang tercatat di eksh P18A, P18B, P18C dan P18D, plaintif akan memperbaiki kelemahan dirinya untuk mendapatkan pengesahan daripada ketua jabatannya. Mahkamah mendapati dalam keadaan kes plaintif yang melibatkan pelanjutan tempoh percubaan, tindakan defendan membuat teguran semasa perhimpunan secara umum adalah tidak mencukupi dan tidak wajar dan tidak adil kerana tidak menurut peruntukan undang-undang yang diperuntukkan dan tindakan itu bertentangan dengan hak plaintif yang dilindungi di bawah perkara 5 Perlembagaan Persekutuan

[46] Maka adalah menjadi tugas defendan untuk memaklumkan plaintif akan ulasan dan teguran itu supaya plaintif dapat menambah baik prestasi kerjanya sebagaimana yang ditegur oleh ketua jabatannya. Plaintif hanya mengetahui alasan kenapa beliau tidak disahkan dalam jawatannya setelah kes ini dibawa ke mahkamah.

[47] Defendan terus memberi peluang kepada plaintif untuk bekerja dengan defendan dengan pelanjutan bagi kali kedua dan diberi AMARAN bahawa pelanjutan itu adalah peluang terakhir untuk plaintif mendapatkan sokongan ketua jabatannya bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

[48] Plaintif semasa disoal balas, menyatakan bahawa bagi tujuan perakuan ketua jabatan perlu terlebih dahulu berbincang dengan beliau. Plaintif tidak pernah dipanggil oleh ketua jabatan (SD2) untuk berbincang mengenai pengesahan jawatan.

[49] Plaintif telah memenuhi syarat yang ditetapkan dengan menghadiri Kursus Induksi anjuran INTAN pada 16 April 2007 sehingga 27 April 2007, lulus Kursus Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara pada 10 Mei 2007 sehingga 14 Mei 2007. Plaintif juga telah lulus peperiksaan Undang-undang Kerajaan bertarikh 19 Februari 2009.

[50] SD2 juga dalam keterangannya di soalan 9 mengakui bahawa ciri-ciri yang dikatakan tidak dimiliki oleh plaintif tidak dimaklumkan kepada plaintif dan hanya tercatat dalam laporan prestasi sahaja.

[51] SD1 dalam jawapannya kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 31 Mac 2011 (ms 10 Ikatan C) bahawa plaintif telah diberi peluang untuk membaiki dirinya kerana plaintif diberi pelanjutan tempoh percubaan. Mahkamah tidak dapat menerima penjelasan SD1 kerana tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif telah diberitahu kelemahannya sehinggalah kes ini dibawa ke mahkamah.

[52] Pihak defendan khususnya SD2 sepatutnya memanggil plaintif atau menjawab notis inkuiri yang dikemukakan oleh plaintif dengan memberitahu kepada plaintif kenapa beliau tidak diperakukan untuk pengesahan jawatannya. Tanpa diberitahu prestasinya yang dinilai oleh defendan SD2 khususnya, plaintif tidak mengetahui apakah kekurangan yang ada pada dirinya yang perlu diperbaiki untuk membolehkan jawatannya disahkan dan meningkatkan prestasi organisasi sebagaimana yang diharapkan oleh defendan.

[53] Mahkamah mendapati tindakan defendan yang melanjutkan tempoh percubaan plaintif sebanyak dua kali dan pada masa yang sama tidak berpuas hati dengan prestasi plaintif adalah dua tindakan yang bercanggah antara satu sama lain kerana untuk melanjutkan tempoh percubaan, defendan hanya boleh berbuat demikian jika defendan mempercayai bahawa plaintif berupaya mematuhi syarat-syarat bagi pengesahan semasa tempoh pelanjutan tempoh yang dipohon itu. (sila rujuk peraturan 28 Peraturan-Peraturan Am.)

[54] Mahkamah mendapati tindakan SD2 yang diakuinya oleh SD2 sendiri dengan hanya mencatatkan di laporan prestasi sahaja adalah tidak mencukupi dan tidak wajar. Dalam keadaan ini, prinsip *procedural fairness* adalah terpakai dan defendan sebagai majikan bertanggungjawab untuk memberi alasan apabila membuat keputusan untuk tidak memberi perakuan kepada plaintif untuk pengesahan jawatannya. Dalam kes *Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and another appeal* [1996] 1 MLJ 481; [1997] 1 CLJ 665 memutuskan bahawa:

> As a general rule, procedural fairness, which includes the giving of reasons for decision, must be extended to all cases where a fundamental liberty as guaranteed by the Federal Constitution is adversely affected in consequence of a decision by a public decision maker

[55] Prinsip ini terpakai kepada defendan sebagai *decision-maker* yang mana

sebagai majikan defendan hendaklah mematuhi dan menggunakan budi bicara yang betul dan teratur supaya keputusan yang dibuat adalah keputusan yang adil dan tidak 'bias'.

[56] Mahkamah mendapati bahawa tindakan defendan memberi surat penamatan bertarikh 10 Julai 2012 kepada plaintif adalah salah kerana isu itu masih belum diputuskan oleh mahkamah. Tindakan defendan mengeluarkan surat penangguhan perkhidmatan plaintif bertarikh 14 November 2010 dan selepas itu membatalkannya pada 1 Disember 2010 adalah tidak beretika dan tidak betul.

[57] Keterangan SD1 yang bertugas sebagai pegawai tadbir KEDA amat mengecewakan dan tidak membantu kes defendan kerana sepanjang perbicaraannya di mahkamah, jawapan yang diberi hanyalah tidak tahu, tidak baca dan tidak bawa dokumen ke mahkamah.

Perilaku SD1 ini memberi gambaran kepada mahkamah bahawa defendan adalah tidak bertanggungjawab dan tidak prihatin terhadap kes plaintif.

[58] Mengenai hujahan defendan bahawa tuntutan plaintif untuk mendapatkan ganti rugi teladan dan ganti rugi am sebanyak RM200,000 bercanggah dengan A 18 k 12(1A) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, mahkamah mendapati bahawa dakwaan itu tidak diplid. Oleh itu hujahan defendan tidak diambilkira oleh mahkamah.

Merujuk kepada kes *Govindasamy s/o Muthulingam v Ooi Kee Chye & Anor* [2012] 7 MLJ 254; [2012] 1 CLJ 875 (MT). Rujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *Tan Leng Choo v Gwee Elsie Nee Tan Ah Moy* [2008] 1 LNS 568 (MR):

> It is trite law that parties are bound by their own pleadings, the court shall only devide on issues which were pleaded and not otherwise.

[59] Dengan menyatakan jumlah tuntutan itu juga tidak menimbulkan ketidakadilan kepada pihak defendan. Oleh yang demikian, mahkamah membenarkan tuntutan plaintif sebanyak RM200,000 sebagai ganti rugi am yang dituntut oleh plaintif.

[60] Berdasarkan alasan di atas, mahkamah mendapati atas imbangan kebarangkalian, pihak plaintif telah membuktikan kesnya terhadap defendan.

[61] Oleh itu, mahkamah membenarkan semua tuntutan plaintif bersama faedah dan kos sebanyak RM8,000.

Tuntutan dibenarkan dengan kos sebanyak RM8,000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor